

Newspaper	Berita Harian
Date	25 January 2016



Najib bersama dari kiri, Tiong Lai, Mukhriz dan Tony menunggu ketibaan penerbangan sulung AirAsia dari Guangzhou, China di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, semalam. (FOTO SHAHRIZAL MD NOOR/BH)

Tumpu tarik pelancong mewah ke Langkawi: PM

BH-25/1/2016

» Perlu pastikan pulau ada lebih banyak hotel, fasiliti tampung pertumbuhan pelancong

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

Langkawi

Datuk Seri Najib Razak, yakin penumpuan kepada usaha menarik pelancong mewah ke pulau pelancongan itu, mampu merealisasikan sasaran pembangunan khususnya melalui Blueprint Pelancongan Langkawi 2.0 yang kini dirangka.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, usaha perlu dilakukan untuk memastikan setiap pelancong khususnya dalam kategori berkenaan melalui pengalaman yang cukup baik sepanjang berada di pulau perangnya itu.

"Saya selalu melihat Langkawi sebagai permata dan ia juga satu destinasi yang cukup

bernilai dari segi pelancongan.

Lonjak setiap potensi

"Untuk itu cukup penting bagi kita untuk melonjak setiap potensi yang ada dari segi pelancongan, terutama dalam menyediakan rangka pelan pembangunan Blueprint Pelancongan Langkawi 2.0," katanya di sini.

Beliau berkata demikian selepas meraikan ketibaan pelancong China melalui penerbangan sulung AirAsia laluan Guangzhou, China dan Langkawi, di Lapangan Terbang An-

"Kita mahukan Langkawi mengalami pertumbuhan, kita juga mahu pelancongan massa serta kelas mewah dan Langkawi mampu penuhi kedua-duanya"

Najib Razak,
Perdana Menteri

tarabangsa Langkawi (LTAL), di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika berucap berkata beliau sentiasa mengutamakan khidmat penerbangan terus seperti disediakan AirAsia, khususnya untuk laluan China yang terbukti mempunyai potensi besar dari segi pelancongan.

"Berdasarkan maklumat China yang juga sumber utama pelancongan memiliki kira-kira 400 juta rakyat yang sedia untuk memenuhi keperluan sektor berkenaan dan jika 10 peratus daripadanya dapat ditarik ke Langkawi, ia sudah besar buat kita.

"Dari segi pergerakan juga, daripada 1,470 pergerakan antarabangsa di LTAL, 64 daripadanya adalah dari China yang melalui penerbangan sewa khas khususnya dari Guangzhou dan Hong Kong, manakala daripada 2.3 juta penumpang yang melepasi LTAL pada tahun lalu, hanya 17,600 dari negara itu," katanya.

Apa yang pasti, Perdana Menteri berkata usaha ke arah melengkap keperluan pelancongan mewah memerlukan hubungan secara simbiosis antara semua pihak.

Beliau berkata, bukan sahaja Malaysia Airport Berhad (MAB), ia turut meliputi Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), kerajaan negeri, Kementerian Pengangkutan yang berganding bahu untuk memastikan hasrat ini menjadi realiti.

Fasiliti lebih baik

"Benar kita perlukan medium penyambungan yang baik, tetapi dalam masa sama kita juga perlu pastikan Langkawi mempunyai lebih banyak hotel, fasiliti lebih baik serta infrastruktur sampingan untuk menyokong pertumbuhan pelancong.

"Kita mahukan Langkawi mengalami pertumbuhan, kita juga mahu pelancongan massa serta kelas mewah dan Langkawi mampu penuhi kedua-duanya.

"Jika ini dapat kita penuhi, saya percaya wakil rakyat di Langkawi gembira dan Datuk Seri Mukhriz pun masih boleh tersenyum," katanya dengan nada bergurau.